



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan Perkhidmatan berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
0073/2025	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN HALAL / MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) KUCHING, SARAWAK SESI 2026 / 2028	040103	29/12/2025 Hingga 22/01/2026	RM25.00	22/01/2026 (KHAMIS) (Sebelum 12.00 tengah hari)
0074/2025	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN HALAL / MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) BETONG, SARAWAK SESI 2026 / 2028	040103	29/12/2025 Hingga 27/01/2026	RM25.00	27/01/2026 (SELASA) (Sebelum 12.00 tengah hari)
0075/2025	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN HALAL / MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) MUKAH, SARAWAK SESI 2026 / 2028	040103	29/12/2025 Hingga 29/01/2026	RM25.00	29/01/2026 (KHAMIS) (Sebelum 12.00 tengah hari)
0076/2025	CADANGAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN MAKANAN HALAL / MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) KOTA KINABALU, SABAH SESI 2026 / 2028	040103	29/12/2025 Hingga 03/02/2026	RM25.00	03/02/2026 (SELASA) (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui dalam talian (online). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SPEED** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian no. pin dengan nilai seperti yang tercatat di atas. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SPEED** di talian 03-78854111/79855287 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
3. Pembelian no. pin tender boleh dibuat melalui <https://bayar.maraeps.my> kepada pembida yang telah diluluskan dalam Pasaran MARA. Tempoh akhir pembelian no. pin atas talian ialah pada **TARIKH TUTUP TENDER** jam 9.00 pagi. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan penajaan no. pin boleh menghubungi Kaunter Tender pada waktu pejabat di talian 03-26134482/34479/34480/34465. Nombor pin akan dijana dalam waktu operasi pejabat.
4. Pembekal juga boleh mendapatkan no. pin di Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA atau Pejabat MARA Negeri dengan membuat pembayaran melalui **Debit Card** dengan mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:
- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - iii) **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE)** BERSTATUS PATUH
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
5. MARA tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya no.pin tidak dapat dijana disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **SPEED** serta diluluskan menyertai Pasaran MARA atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. Tender akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no. pin telah dijana.
6. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web www.speed2u.my mulai **29/12/2025** hingga **TARIKH TUTUP TENDER**.
7. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invois mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen tender (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

10. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) tender yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Sebarang urusan tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.